

Kepada Ibu Bapa,

Selamat Tahun Baru.

Dalam kita memulakan tahun baru ini, kita bersyukur kepada Allah kerana memberi kita kekuatan dan keberanian untuk mengatasi cabaran masa lalu, dan memohon rahmatNya untuk menghadapi cabaran-cabaran masa depan dengan setia dan dengan harapan. Di antara pelbagai cabaran kita lalui pada tahun lalu ialah perubahan mendadak dalam cara pembelajaran katekisme yang telah disampaikan kepada kaum muda kita. Para katekis dan pelajar terpaksa belajar beralih dengan cepat dari pendekatan mengajar-belajar dalam kelas tradisional dan beradaptasi kepada kaedah maya. Ini bukanlah mudah untuk para katekis dan pelajar, juga bagi ibubapa. Dalam hal ini, saya ingin berterima kasih kepada para ibubapa atas sokongan dan kerjasama mereka dalam memastikan anak-anak mereka terus mempelajari iman mereka walaupun dalam masa yang mencabar ini.

Tahun Kateketikal Baharu

Pendidikan iman kaum muda kita merupakan bahagian integral dalam kehidupan dan misi Gereja. Oleh demikian, peranan ini tidak boleh ditangguhkan atau diabaikan dalam apa jua keadaan. Untuk tahun 2021, pelajaran katekisme akan bermula tidak lama lagi di semua keuskupan. Buat masa sekarang, kita tidak pasti samada situasi pandemik COVID-19 akan beransur pulih agar pelajaran kateketikal dapat dijalankan di kelas. Jika tidak, para pelajar terpaksa menyertai kelas maya melalui aplikasi seperti *Zoom*, *Google Meet* dan lain-lain. Justeru ini, saya ingin menyatakan beberapa poin dengan harapan para ibubapa akan mengambil perhatian tentang pembentukan kateketikal anak-anak mereka.

Mendaftar anak anda untuk Katekisme

Kebanyakan paroki telah mula mengatur pendaftaran para pelajar untuk katekisme bagi tahun 2021. Kami menggesa para ibubapa yang belum mendaftar anak-anak mereka untuk berbuat demikian. Dalam kes-kes tertentu, pendaftaran akan dibuat secara maya, seperti melalui Borang Google. Tidak kira apa cara sekalipun, sila ikuti arahan yang diberi oleh paderi paroki dan tim kateketikal mengenai hal ini. Jika anda mendaftar anak atau anak-anak anda buat pertama kali dengan paroki dan tidak pasti bagaimana untuk melakukannya, sila hubungi pejabat paroki.

Penyertaan anak anda dalam Pelajaran Maya

Beberapa isu perlu dipertimbangkan:

i. Penyertaan dalam pelajaran katekisme

Kita sedar bukan setiap kanak-kanak akan dapat menyertai pelajaran maya atas sebab-sebab tertentu, khususnya atas sebab ketiadaan sambungan internet atau sambungan internet yang tidak baik, atau kekurangan gajet elektronik yang sesuai, namun sangat penting bagi para pelajar yang boleh mengakses kemudahan ini untuk

menyertai kelas. Para ibubapa harus mengutamakan pendidikan iman anak-anak mereka dan memastikan mereka hadir ke pelajaran katekisme pada masa dan hari yang ditetapkan oleh katekis mereka.

ii. Penyertaan aktif

Ada kalanya para pelajar masuk ke kelas maya, akan tetapi memadamkan video semasa pembelajaran. Ini meyebabkan katekis tidak pasti samada pelajar sebenarnya menyertai kelas tersebut. Kami ingin bantuan ibubapa untuk memastikan anak-anak mereka menyertai secara aktif dalam setiap pelajaran dari mula sehingga tamat.

iii. Perhatian dan bimbingan ibubapa

Kanak-kanak dalam tahun pra-sekolah atau kelas sekolah rendah bawah memerlukan lebih perhatian dan bimbingan ibubapa pada masa ini. Bantuan para ibubapa dalam kerjasama, di mana perlu, dengan katekis dalam membimbing dan mengajar iman kepada kanak-kanak muda melalui pelajaran maya adalah amat dihargai.

iv. Komunikasi antara ibubapa dan katekis

Seperti disebutkan tadi, mungkin terdapat pelajar yang tidak dapat menyertai pelajaran maya kerana ketiadaan atau sambungan internet yang tidak baik, kekurangan gajet elektronik atau lain-lain sebab yang munasabah. Dalam keadaan-keadaan ini, kita menggalakkan para ibubapa untuk berhubung dengan katekis dan cari cara terbaik di mana anak-anak mereka dapat terus menerima pembentukan kateketikal yang sepatutnya dan berterusan.

Saya sedar setiap paroki akan mengalami cabaran-cabaran yang unik tentang bagaimana katekisme diatur dan dijalankan. Saya yakin tim kateketikal paroki, di bawah bimbingan paderi paroki, akan berusaha dengan ibubapa untuk menangani cabaran-cabaran ini. Namun dalam segala hal, paderi paroki akan membuat keputusan akhir.

Akhirnya, saya ingin mengingatkan para ibubapa bahawa mereka merupakan katekis utama bagi anak-anak mereka. Saya menggesa para ibubapa untuk memainkan tanggungjawab ini dengan serius, agar bersama bantuan paderi paroki dan para katekis, kaum muda kita akan meneruskan katekisme mereka dan bertumbuh dalam kematangan di dalam hubungan mereka dengan Allah, dan di dalam iman Katolik.

Dalam Kristus,

**Uskup Agung Julian Leow Beng Kim, DD
Presiden Episkopal
Komisi Kateketikal Malaysia**